

KBS cadang wujud 300 jawatan baru

UM - 16/6/2007



AZALINA Othman Said melihat anugerah yang diperoleh oleh salah seorang kakitangan kementerianya di Putrajaya, baru-baru ini.

Oleh HAMIMAH HAMID
Gambar ABDUL NAZIR MOHAMED

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) akan mewujudkan 300 jawatan baru dalam usaha kementerian terbabit memperkasakan program belia di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, dalam usaha terbabit, kira-kira 166 pegawai dan kakitangan di bawah KBS bakal menikmati kenaikan pangkat bagi membantu dalam penambahbaikan program-program belia sedia ada.

Menurut Azalina, jawatan baru dan

kenaikan pangkat itu diharap dijadikan penanda arah oleh setiap warga kerja kementerian supaya lebih berusaha meningkatkan kualiti kerja masing-masing.

"Selain kenaikan pangkat dan jawatan baru ini, semua kakitangan kementerian juga ditawarkan kenaikan gaji seperti yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini.

"Segala ganjaran yang diberikan oleh kerajaan pada hari ini perlu dihargai oleh setiap kakitangan kementerian dan sebagai balasannya, mereka harus bekerja lebih keras untuk mencapai visi kerajaan agar berkhidmat lebih cemerlang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada



AZALINA Othman Said menyampaikan sijil Anugerah Khidmat Cemerlang kepada Ahmad Zaharuddin Salim di Putrajaya, baru-baru ini.

pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006 kepada 184 kakitangan dan pegawai kementerianya di Putrajaya, baru-baru ini.

Menurut Azalina, setiap kakitangan perlu menunjukkan komitmen yang tinggi dengan memastikan setiap program Rakan Muda yang dianjurkan mencapai objektifnya.

"Perlu diingatkan, kecemerlangan sesebuah organisasi itu bergantung kepada tahap disiplin kakitangannya, jika setiap kakitangan mempunyai disiplin yang tinggi, maka setiap program atau kerjanya pasti berkualiti," katanya.

Selain itu, menurut Azalina, bagi mengukuhkan lagi organisasi kementerian, beberapa bahagian baru diwujudkan antaranya Bahagian Kewangan dan Pembangunan, Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik dan mewujudkan cawangan Rakan Muda di setiap Jabatan Belia dan Sukan (JBS) setiap negeri.

"Kita juga menaik taraf gred bagi jawatan Pegawai Belia dan Sukan daripada Gred S27 kepada Gred S41, S38 dan S32.

"Selepas ini akan berlaku pertukaran dalam penempatan pegawai-pegawai bagi mengisi kekosongan jawatan baru yang baru diwujudkan ini," ujarnya.